



## MSU, UTHM jalin kerjasama pintar bidang TVET, penyelidikan

**PETALING JAYA** – Management and Science University (MSU) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkasakan bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan penyelidikan.

MSU menerusi kenyataan semalam berkata, kerjasama pintar awam-swasta ini menyediakan platform dan rangka kerja dalam memperkasakan perkongsian rentas disiplin antara MSU dan

UTHM.

“MoU berkenaan membuktikan ia selaras dengan Dasar TVET Negara 2023.

“TVET merupakan proses pendidikan dan latihan yang berfokuskan ke arah pekerjaan selain menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan termasuk pembangunan profesional.

“Ia khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan saintifik dan inovasi serta kerjasama industri-akademik membabitkan

pertukaran maklumat, latihan pakar, bakat dan pelajar,” kata kenyataan itu.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Presiden MSU, Prof. Tan Sri Dr Mohd. Shukri Ab Yajid dan Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.

Ia disaksikan oleh Naib Presiden Kanan Hubungan Industri dan Keusahawanan MSU, Profesor Dr. Abdul Jalil Ghazali dan Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan.

**DR. MOHD. SHUKRI** (dua dari kanan) dan **Dr. Ruzairi** (dua dari kiri) ketika sesi menandatangani MoU antara MSU dan UTHM semalam.